

## 3 lagi penyakit masuk senarai penyakit kronik

PESAKIT penyakit kronik seperti gout, alahan rinitis (allergic rhinitis) dan hepatitis B kronik boleh menantikan lebih banyak bantuan untuk menguruskan keadaan mereka. Tiga penyakit itu akan dimasukkan ke dalam Program Pengurusan Penyakit Kronik (CDMP) mulai Julai ini. Ini bermakna lebih 134,000 individu akan meraih manfaat kerana mereka kini boleh menggunakan MediSave dan subsidi Skim Bantuan Kesihatan Masyarakat (Chas) bagi penyakit tersebut, kata Menteri Negara Kanan (Kesihatan), Dr Koh Poh Koon, semalam.